

# Pingat emas penyelidikan cengkerang

HARIAN METRO (SETEMPAT) 19 APR 2016 m/s 22

**Kuantan:** Penuntut tahun akhir Universiti Malaysia Pahang (UMP), Muhammad Hazim Aiman Zainal Abidin, 23, dinobatkan sebagai pemenang utama sempena Festival Antarabangsa Inovasi Dalam Teknologi Hijau (i-FINOG) 2016 yang diadakan selama dua hari berakhir semalam di Kompleks Sukan UMP, Gambang, di sini.

Muhammad Hazim yang juga penuntut Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia menerima hadiah sebuah piala dan wang tunai

RM2,000.

Penyelidikan daripada cengkerang kerang bertajuk 'Penghasilan Produk Bernilai Tinggi Daripada Sisa Buangan: Transformasi Kulit Kerang Kepada Hydroxyapatite Untuk Teknologi Regenerasi Tulang' turut terpilih menerima pingat emas daripada lebih 200 hasil penyelidikan dipertandingkan dalam festival itu.

Muhammad Hazim berkata, dia mengambil masa dua bulan untuk menyiapkan penyelidikan menggunakan cengkerang kerang sebagai

bahan utama bagi membantu pertumbuhan tulang secara semula jadi.

"Penyelia saya, Dr Jun Haslinda Shariffuddin yang mencadangkan saya menggunakan cengkerang kerang yang mudah diperolehi. Melalui penyelidikan ini, hydroxyapatite dihasilkan menyamai tulang dan mempercepatkan kadar pertumbuhan tulang," katanya yang kini mengadakan kerjasama dengan Universiti Malaya (UM) untuk melakukan ujian klinikal.



**PENGERUSI** Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Mohd Soffi Abdul Razak (tengah) menyampaikan hadiah kepada Muhammad Hazim Aiman.